

Tak perlu buat fatwa baharu: Abd Shukor

» Muzakarah 2011 tidak terpakai isu coklat Cadbury

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Keputusan analisis makmal terhadap dua coklat keluaran Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd jelas menunjukkan ia mengandungi DNA babi (porcine).

Justeru, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin, berkata keputusan muzakarah pada 2011 bahawa umat Islam diharuskan mengambil makanan dan minu-

man yang mengandungi bahan najis seperti DNA babi akibat daripada pencemaran yang tidak disengajakan atau tidak disedari, tidak terpakai kepada dua produk keluaran Cadbury itu.

Beliau berkata keputusan itu berdasarkan belum ada penyelidikan yang dapat mengenal pasti sama ada DNA babi yang tercemar adalah asli atau sintetik dan sejauh mana tahap pencemarannya.

Selain itu, katanya, pencemaran DNA itu juga boleh berlaku dengan mudah melalui udara secara tidak disedari atau tanpa diketahui secara zahir dan pakar sains berpendapatan adalah amat sukar untuk menghalang pencemaran berkenaan daripada berlaku.

“Ia berbeza, yang kita maksudkan (fatwa lalu) ramuan, kandungan dan cara pemprosesannya disahkan sebagai

bersih, suci dan halal serta menjadi bahan makanan atau minuman yang diterima umat Islam secara meluas tetapi kemudian berlaku pencemaran kandungan seperti DNA babi secara sengaja atau tidak, maka ia harus diambil sebagai makanan kerana kandungan asal adalah halal,” katanya ketika dihubungi semalam.

Sudah disahkan

Beliau berkata kes coklat Cadbury pula memang jelas ada DNA babi dan disahkan oleh Kementerian Kesihatan yang membuat ujian, oleh itu keputusan muzakarah lalu tidak terpakai pada kes produk berkenaan.

Beliau berkata demikian mengulas penyebaran keputusan muzakarah pada 2011 itu yang boleh mengelirukan orang ramai berikutan isu coklat Cadbury itu.



Abd Shukor Husin

Abd Shukor berkata pihaknya tidak bercadang untuk bermuzakarah untuk membuat ketetapan baharu.

“Tidak perlu buat fatwa baharu sebab nyata ia salah (coklat ada DNA babi), ia bukan saja haram malah pengeluarannya juga perlu dikenakan tindakan tegas.

“Cuma sekarang kita sedang menunggu keputusan makmal dibuat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sama ada perkara ini dilakukan secara sengaja atau tidak, banyak mana kuantiti digunakan, adakah berlaku penipuan atau tidak amanah kerana hasil produk ini bukan saja haram dimakan malah mereka yang melakukan penipuan harus dihukum,” katanya.